

Oleh DR. AHMAD ZAHARUDDIN SANI SABRI

RAMADAN diraikan oleh umat Islam seluruh dunia tanpa mengira batasan usia dan jantina demi meraih keberkatan dan pahala daripada Allah SWT. - Gambar hiasan

RAMADAN merupakan bulan yang penuh dengan kerahmatan dan keberkatan yang tidak terdapat di dalam bulan-bulan yang lain, oleh sebab itu Rasulullah SAW menjelaskan Ramadan adalah penghulu kepada 11 bulan yang lain. Orang yang kenal kelebihan Ramadan sahaja yang akan bersedia apabila menjelangnya bulan yang mulia ini.

Betapa besarnya fadilat bulan Ramadan ini dapat kita fahami daripada hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Muslim yang bermaksud: *Apabila masuk bulan Ramadan, maka dibuka pintu-pintu syurga dan ditutup pintu-pintu neraka serta diikat semua iblis dan syaitan.*

Oleh sebab itu, apabila seorang melangkah masuk ke bulan Ramadan bererti mereka memasuki gerbang pertapaan yang penuh dengan ujian dan latihan. Kerana itulah ketika bulan ini umat Islam berpusu-pusu mengimarahkan rumah ibadah untuk berwirid, bertadarus, beriktikaf dan pastinya bertarawih.

Saya sendiri tidak ketinggalan untuk bersama-sama merebut "tawaran istimewa" yang didatangkan oleh bulan Ramadan. Masjid sudah menjadi rumah persinggahan kedua buat saya. Namun peristiwa-peristiwa dalam masjid menyebabkan tulisan ini dihasilkan.

Amat seronok sekali apabila melihat berubahnya suasana kemeriahan masjid acap kali Ramadan tiba. Berduyun-duyun orang datang setiap penjuru memenuhi setiap ruang yang ada. Pastinya batas jantina, bangsa dan umur bukan lagi menjadi penghalang. Namun tanpa kita sedari kemeriahan ini telah menimbulkan beberapa "dosa" yang tidak kita sedari. Antara yang sempat saya kongsi iaitu;

Kes 1

TERDAPAT seorang lelaki masuk ke dalam masjid membawa seorang anak perempuan dalam umur lima tahun siap bertelekung. Manis orangnya, terasa sejuk melihat seorang ayah berjaya mendidik anak gadisnya untuk sama-sama menghadiri solat berjemaah di masjid.

Kebanggaan saya terhenti apabila si ayah dengan bangga membawa anak gadisnya berebut-rebut memenuhi saf di hadapan dan dengan selambanya menyuruh anak gadis tersebut berdiri bersebelahan dengannya dan bersama-sama jemaah lelaki yang lain.

Terkesima saya melihat kedangkalan ilmu agama si ayah. Bila ditegur, dimarahi kembali penulis dengan mengatakan "Tidak mengapa, budak lagi ni."

Kes 2

Si ayah datang bersama-sama dua orang anak yang masih kecil. Berdasarkan pengamatan saya dalam usia antara tiga dan empat tahun. Ceria bercanda kedua-dua adik-beradik tersebut. Apabila tiba masa untuk mendirikan solat, si ayah berdiri di hujung saf walaupun di saf yang depan, agar anak-anak mereka tidak terselit di antara jemaah.

Satu sifat yang boleh dipuji, setelah

Masjid hilang jemaah?

Pengurusan masjid perlu berani mengorak langkah berubah dengan menjadikan masjid mesra kanak-kanak, sekali gus selesa beribadat

seketika terhidu sesuatu yang amat tidak menyenangkan, setelah diamati rupanya salah seorang daripada kanak-kanak tersebut telah melepas "qada hajat".

Sesi mencemik muka para jemaah pun bermula, walaupun kanak-kanak tersebut memakai lampin pakai buang, namun tidak dapat membendung bau yang lahir daripada tindakan tersebut. Menariknya si ayah meneruskan solat pada rakaat-rakaat seterusnya tanpa memikirkan impak tindakannya itu.

Kes 3

TERDAPAT anak-anak yang dibiarkan di belakang saf kerana penjaga mereka berpandangan kanak-kanak harus diletakkan di tempat sepatutnya. Secara tidak langsung satu tindakan yang terpuji. Niatnya baik, tetapi pelaksanaannya mungkin harus difikirkan kembali.

Bayangkan apabila kanak-kanak berhimpun, pasti riuh dan tidak terkawal jadinya. Tidak perlu diceritakan keriuhan dan hingar-bingar yang berlaku, cukup untuk para pembaca bayangkan sendiri, yang akhirnya menyebabkan keluh di hati para jemaah yang lain, sehinggalah apa yang dibaca oleh Tok Imam tidak didengari butir-butirnya.

Tiga senario kes ini sekadar cebisan corak-carik suasana masjid pada bulan Ramadan ini. Ironinya, impak terhadap perlakuan di atas mencetuskan kesan negatif. Pernah saya berbal dengan seorang pengurus masjid tentang keluhan beliau mengenai pengurangan jemaah dari sehari ke sehari yang hadir ke masjid

menyebabkan saya terfikir mungkin mereka terlepas pandang perkara-perkara yang mereka anggap kecil ini.

Sebagai jemaah saya pastinya ingin bersolat dalam keadaan aman, tenteram dan kondusif. Penghijrahan ke masjid lain merupakan satu alternatif terhadap mencapai kehendak saya dalam memenuhi ruang-ruang "tawaran Ramadan" yang berbaki sedikit ini. Maka tidak hairanlah apabila jemaah mula bertebaran mencari tempat iktikaf yang baharu agar dapat beribadat dengan selesa.

Dalam suasana semasa, pengurusan masjid perlu menjadi inovatif mencari penyelesaian terhadap isu ini. Hakikatnya, pihak pengurusan masjid tidak boleh menghalang ibu bapa daripada membawa anak-anak mereka. Kerana ini merupakan proses pendidikan awal dan semaian perasaan cintakan masjid, akan tetapi satu kaedah perlu dicari agar keselesaan untuk semua pihak boleh dicapai.

Penulis juga pergi ke masjid bersama-sama dengan anak-anak, bukan hendak mengatakan anak-anak penulis baik-baik belaka, cuma penulis memahami kekangan yang dihadapi oleh ibu bapa muda, anak-anak adalah amanah, namun tawaran Ramadan sukar untuk dilepaskan.

Maka kita perlu berani mengorak langkah berubah dengan menjadikan masjid mesra kanak-kanak agar, kesemua jemaah selesa dalam beribadat, secara tidak langsung dapat menarik semua golongan usia untuk terus mengimarahkan masjid. Jangan kita menganggap isu ini isu enteng, kerana takut-takut kealpaan kita, dibimbangi suatu hari nanti masjid menjadi hanya tempat solat yang *touch and go* sahaja.

● PENULIS ialah Timbalan Pengarah Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir (IPDM).

Cadangan menjadikan masjid mesra jemaah

- Pembinaan nurseri kanak-kanak, dan dibuka setiap waktu solat, penjaganya terdiri daripada sukarelawan yang silih berganti untuk memastikan keselamatan kanak-kanak.
- Mendirikan dua ruang solat berbeza, tingkat atas untuk dewasa manakala bawah untuk ibu bapa bersama-sama kanak-kanak.
- Menguatkuasakan peraturan hanya kanak-kanak berumur tujuh tahun atau yang mumayyiz sahaja boleh berada di ruang solat dewasa.
- Pengurusan masjid boleh mewujudkan aktiviti khas kanak-kanak ketika solat berlangsung seperti mewarna lukisan berbentuk keagamaan yang dapat menarik perhatian kanak-kanak ini.